



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 3 2022



ISI KANDUNGAN



- PPJ BANTU MANGSA BANJIR DI BALING	3
- WARGA KERJA PPJ MERAIKAN IBADAH KORBAN	4
- 30 SURAU DI PUTRAJAYA TERIMA BAKUL MAKANAN	5
- 105 PELAJAR B40 SERTAI TUISYEN PERCUMA DI PUTRAJAYA	6
- 15,000 PESERTA BERJALAN TEGUH BERSAMA	7
- PM LANCAR BULAN KEBANGSAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2022	8
- PERTANDINGAN KIBAR JALUR GEMILANG PUPUK SEMANGAT PATRIOTIK WARGA PUTRAJAYA	9
- BESTGO -PPJ 2022 JADIKAN PUTRAJAYA BANDAR BERSIH	10
- LIMA BUAH SEKOLAH DI PUTRAJAYA DINOBAT PEMENANG SMART BOTANIC EDU-CARE	11
- PUTRAJAYA SECRET GARDEN, COLOURFUL LIGHTS	12
- RAJA PERMAISURI RASMI FLORIA DIRAJA 2022	13
- SAMBUTAN AMBANG MERDEKA PUTRAJAYA MERIAH	14
- KARNIVAL PUTRAJAYA 2022 KEMBALI	15

PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my
PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:

- www.ppj.gov.my
- [Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)
- [Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)
- [Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)
- [Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

PPj Bantu Mangsa Banjir Di Baling

Kejadian banjir yang turut mengorbankan beberapa nyawa di Baling, Kedah mengejutkan banyak pihak sehingga ramai sukarelawan turun membantu serta meringankan beban mangsa.

Tidak terkecuali Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi di bawahnya termasuk Perbadanan Putrajaya (PPj) turut menyertai misi Bantuan atas inisiatif Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pada 7 Julai hingga 9 Julai 2022. Misi bantuan turut dilengkapi pelbagai jentera antyaranya 13 set water jet, water pump, 11 kereta pacuan empat roda dan 20 set kelengkapan pembersihan yang lain.

Seramai 40 orang sukarelawan yang terdiri daripada pelbagai jabatan menyumbang tenaga melakukan kerja-kerja pembersihan kawasan rumah penduduk di Mukim Kupang, Baling Kedah melibatkan Kampung Iboi dan Kampung Sadik.





Warga Kerja PPj Meraikan Ibadah Korban

Majlis ibadah Qurban KRISPutra 2022 yang dianjurkan Perbadanan Putrajaya (PPj) pada 13 Julai 2022 merupakan program korban terbesar dalam kalangan warga PPj yang menghimpunkan lebih kurang 1,000 warga kerja dari seluruh jabatan.

Menurut Pengurus Biro Agama Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan Perbadanan Putrajaya (KRISPutra), Ahmad Tarmizi Abdullah matlamat program tersebut adalah untuk melaksanakan ibadah korban selain merapatkan ukhuwah dikalangan warga PPj sendiri.

Sebelum ini ia hanya diadakan secara kecil-kecilan disebabkan COVID-19, namun memandangkan sudah dua tahun ibadah korban tidak dapat dilakukan maka pengajuran kali ini iadiadakan dengan lebih meriah lagi. Majlis tersebut juga menjadikan satu platform bagi mengumpulkan seluruh wargakerjadisampingmemenuhi hajat dalam kalangan warga PPj yang ingin melakukan ibadah korban.

Majlis pada kali ini juga turut disertai

oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang menyumbangkan seekor lembu. Empat ekor lembu telah dikorbankan yang melibatkan seramai 12 orang peseta di mana proses penyembelihan dilakukan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Program penyembelihan bermula seawal jam 7:00 pagi yang telah dilaksanakan oleh ustaz jemputan dan kemudian ia diteruskan dengan aktiviti memasak. Antara menu utama yang disediakan seperti sup, daging goreng kunyit, gulai kawah dan paru goreng sambal. Bagi edaran pula, sebahagian kecil dimasak untuk dijadikan juadah kepada sukarelawan dan selebihnya diberikan kepada asnaf di PPj seperti pengawal keselamatan, tukang cuci dan kakitangan rendah.

Program ini juga turut dibantu oleh Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA).

Our Community, Our Showcase



Program Integrasi Pemasaran Produk Komuniti Putrajaya yang bertemakan '*Our Community, Our Showcase*' merupakan platform yang diwujudkan bagi membantu memasarkan produk usahawan Putrajaya.

Program yang bermula sejak 11 Jun 2022 diadakan setiap dua minggu sekali pada Sabtu dan Ahad dari jam 7.30 pagi sehingga jam 3 petang seiring matlamat Blueprint Masyarakat Sejahtera (BMS) Putrajaya 2018 – 2022 dalam memacu pembangunan yang inklusif dan mampan, memperkasakan ekonomi serta taraf hidup warga Putrajaya.

Sebanyak 20 gerai telah disediakan buat para usahawan untuk memaparkan jualan serta pameran produk komuniti seperti jualan hasil tanaman dari Kebun Komuniti Presint 16 yang terdiri daripada Bayam Brazil Crispy.

30 surau di Putrajaya terima bantuan makanaan

Bagi meringankan beban warga Putrajaya akibat kenaikan kos sara hidup, Perbadanan Putrajaya (PPj) tampil menyampaikan sumbangan Bantuan Bakul Makanan kepada 30 surau komuniti di sekitar Putrajaya.

Setiap surau menerima bantuan bernilai RM600 berupa beras, minyak masak, biskut, milo, srdin, gula kasar, susu tin, teh, bijun dan juga sabun pencuci pakaian.

Barangan tersebut ditempatkan di ruangan sudut infaq surau masing-masing untuk dimanfaatkan kepada komuniti Putrajaya yang memerlukan.

Sudut infaq telah diwujudkan oleh PPj sejak tahun 2018 dan turut mengadakan Program Minggu Infaq Putrajaya pada bulan Ramadan untuk membantu mereka yang memerlukan.

Ia merupakan acara tahunan yang dilaksanakan oleh PPj dengan mengumpul dana-dana dan barang keperluan harian daripada orang ramai untuk disalurkan ke sudut tersebut.



105 Pelajar B40 Sertai Tuisyen Percuma Di Putrajaya



Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menganjurkan sebuah program tuisyen percuma buat golongan berpendapatan rendah (B40) di Putrajaya bagi membantu anak-anak Putrajaya daripada tercicir untuk mendapat pendidikan yang sempurna,

Menurut Presiden PPj, Dato'TPr Fadlun bin Mak Ujud, penganjuran Program Tuition Mission B40 adalah bertujuan memberi akses pendidikan kepada anak-anak yang kurang berkemampuan khusus buat mereka yang bakal menghadapi Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).

Tuisyen percuma ini menyasarkan para pelajar dari isi rumah golongan B40 di Putrajaya bertujuan memberi akses kepada para pelajar untuk mendapatkan kemudahan Pendidikan yang baik. Selain daripada itu, objektif tuisyen ini juga bagi meningkatkan potensi diri para peserta ke arah kecemerlangan yang holistic. Program ini juga turut mendapat kerjasama dari Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP).

Penganjuran program ini pada tahun 2021 yang lalu mendapat penyertaan menggalakkan daripada para pelajar dan momentum tersebut diteruskan ke tahun ini. Pada tahun 2021, program ini mendapat penyertaan menggalakkan dan seramai 95.8 peratus telah layak menerima sijil SPM sementara bagi tahun 2022 pula seramai 105 pelajar dari Sembilan buah sekolah menengah

di Putrajaya telah menyertai program ini.

Seramai 20 barisan tenaga pengajar yang terdiri daripada guru berpengalaman membantu para pelajar sepanjang program berlangsung merangkumi empat subjek teras SPM iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.

Para pelajar perlu menyertai sesi ice breaking terlebih dahulu dan diikuti sesi ceramah motivasi dalam usaha meningkatkan keyakinan diri mereka. Kelas tuisyen ini telah bermula pada 30 Julai 2022 dan akan diteruskan sehingga 18 Disember 2022.

Pelaksanaan program ini adalah secara fizikal bertempat di Kompleks Kejiranan Presint 9, 11, 16 dan juga Kompleks PPj mengikut kumpulan yang telah ditentukan. Diharapkan inisiatif penganjuran program ini dapat membantu pelajar B40 dalam melakukan persiapan bagi menghadapi peperiksaan SPM tahun 2022 nanti.



15,000 Peserta Berjalan Teguh Bersama



Lebih kurang 15,000 peserta Keluarga Malaysia menyertai Program 'Berjalan Teguh Bersama' yang berkonsepkan berjalan secara santai sepanjang 2.7 kilometer di Dataran Putra, Putrajaya.

Program yang turut disertai Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri TPr Annuar Musa berlangsung dalam suasana penuh semangat patriotik, meriah dan berwarna-warni.

Menurut Perdana Menteri, Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun 2022 ini bertemakan 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' amat bersesuaian dengan iltizam dan konsep keharmonian sebuah keluarga besar berteraskan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran. "Teguh Bersama merujuk kepada kekuatan dan kesepaduan kolektif oleh Keluarga Malaysia dalam mengharungi pelbagai cabaran dengan semangat sebuah keluarga.

"Semangat Keluarga Malaysia Teguh Bersama" ini seharusnya disemarakkan dan

dihayati oleh segenap lapisan masyarakat dalam usaha mensejahterakan kehidupan rakyat ketika mendepani cabaran ekonomi global. Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Bulan Kebangsaan, seluruh Keluarga Malaysia diseru untuk terus mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda cintakan negara dan menggelorakan semangat patriotisme.

Selain itu, sebanyak 300 Pasukan Basikal Komuniti Putrajaya, 65 motor berkuasa tinggi BMW K16, 27 kenderaan jenis pacuan empat roda (4X4) daripada semua kementerian, lima kenderaan Jabatan Penerangan (JaPen), 20 kenderaan Foodpanda, 10 kenderaan Grab Food, tujuh Kenderaan Pos Malaysia dan satu Van iM@JaPen turut serta bagi memeriahkan majlis tersebut.

Lebih menarik, Keluarga Malaysia yang hadir turut dihiburkan dengan persembahan muzik Irama Gema Asal, Irama Borneo, persembahan artis jemputan serta Pameran Kenegaraan iaitu 'Dasawarsa Kemerdekaan', pancaragam sekolah, penampilan maskot-maskot kegemaran kanak-kanak seperti Upin Ipin, badut belon dan lain-lain.

PM Lancar Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2022



Jalur Gemilang berkibar megah di pentas Dataran Putrajaya, Presint 3 bagi menandakan bermulanya sambutan Bulan Kebangsaan tahun 2022.

Acara bersejarah ini telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang memacak Jalur Gemilang berkenaan bersempena pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2022 bertemakan 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama.'

Terdahulu, beliau menerima Jalur Gemilang berkenaan daripada sekumpulan kanak-kanak lengkap berpakaian tradisi, simbolik semangat patriotisme melibatkan pelbagai generasi di atas pentas utama.

Sebelum itu, Perdana Menteri tiba di Dataran Putrajaya pada jam 9.33 pagi dengan berjalan kaki dari Dataran Putra sejauh 2.7 kilometer menerusi program Berjalan Teguh Bersama yang turut disertai kira-kira 15,000 Keluarga Malaysia.

Selepas berehat, acara diteruskan dengan bacaan doa diikuti oleh ucapan Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri TPr Annuar Musa yang juga Pengurus Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 sebelum disusuli ucapan Perdana Menteri. Turut hadir Menteri Kanan Pendidikan Datuk Dr Radzi Jidin, Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim serta Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Mohammad Mentek.

Majlis turut diserikan dengan persembahan lima tarian tradisional yang menterjemahkan

kepelbagaian kaum di negara ini dengan diiringi lagu Keluarga Malaysia oleh Pentarama Jabatan Penerangan. Ia diikuti upacara menaikkan Jalur Gemilang oleh anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) diiringinya lagu kebangsaan, Negaraku.

Perdana Menteri kemudiannya lepaskan konvoi Kembara Merdeka Keluarga Malaysia 2022 melibatkan lebih 530 peserta dan 434 kenderaan daripada pelbagai agensi. Pelepasan konvoi tersebut menandakan bermulanya kembara ke negeri-negeri seluruh negara yang akan berakhir pada 31 Ogos ini di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur iaitu lokasi sambutan Hari Kebangsaan 2022.

Pada majlis ini juga, buat pertama kalinya diperdengarkan lagu tema Hari Kebangsaan tahun 2022, 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' oleh penyanyi popular Alif Satardan The Locos.

Hari Kebangsaan tahun ini disambut dengan pembaharuan iaitu melibatkan penyertaan di peringkat komuniti dan keluarga supaya tema dan konsep sambutan 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' dapat dirakyatkan sepenuhnya.

Selain majlis pelancaran tersebut, dua lagi aktiviti utama turut diadakan bagi menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan tahun 2022 merangkumi Sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dan Sambutan Hari Malaysia pada 16 September di Melaka.

Pertandingan Kibar Jalur Gemilang, Pupuk Semangat Patriotik Warga Putrajaya

Sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan Pertandingan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya bermula 20 Julai 2022 sehingga 16 September 2022.

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun MakUjud, penganjuran pertandingan tersebut bertujuan untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan warga Putrajaya. Selaian memupuk semangat patriotik, ia juga bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan pada kali ini bertepatan dengan tema 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' yang melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat di Putrajaya. Disamping itu juga, ia bertujuan bagi menambahkan keceriaan dan engku kibaran Jalur Gemilang di jalan-jalan utama dan persekitaran kediaman warga Putrajaya.

Pertandingan ini turut melibatkan kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya serta Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri di mana terdapat 3 kategori yang dipertandingkan. Antara kategorinya ialah Kategori Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya yang

melibatkan lima subzon, Kategori Persatuan Penduduk Wilayah Putrajaya melibatkan 15 persatuan dan Kategori Sekolah-Sekolah Wilayah Putrajaya melibatkan 27 buah sekolah.

Dalam padaitu, sejumlah 16,500 bendera dikibarkan di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan Malaysia bersempena Kempen Kibar Jalur Gemilang pada kali ini. Kerja-kerja menghias dan pemasangan bendera Malaysia telah bermula pada 20 Julai 2022 sehingga 16 September 2022 manakala penjurian bermula 22 Ogos sehingga 30 Ogos 2022.

Daripada jumlah 16,500 tersebut sebahagiannya telah diserahkan kepada wakil komuniti Putrajaya dan sebahagiannya digunakan bagi menghiasi jalan-jalan utama di Putrajaya. Sebanyak 11,200 Jalur Gemilang diserahkan kepada MPPWP, Persatuan Penduduk dan sekolah-sekolah Putrajaya.

PPj juga turut memasang sebanyak 4,400 Jalur Gemilang di tiang-tiang lampu, taman-taman awam serta premis milik PPj seperti kompleks kejiranan, medan selera, dewan dan perpustakaan bermula 15 Julai 2022.





BeST-Go PPj 2022 Jadikan Putrajaya Bandar Bersih

Bahagian Kesihatan Persekitran, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan Program BeST-Go PPj 2022 iaitu satu program Gotong-Royong Pembersihan dan Plogging Siar Kaki.

Bertempat di persisiran tasik berhampiran Menara Seri Wilayah, program tersebut bertujuan untuk memastikan kemudahan-kemudahan Putrajaya tampak bersih dan bebas daripada sebarang penyakit.

Diketuai Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud, gotong-royong yang bermula seawal jam 8.30 pagi turut disertai warga kerja PPj yang menjalankan aktiviti mengutip sampah, mencuci siar kaki dan lain-lain.

Program ini akan diteruskan setiap minggu oleh pihak Alam Flora dan turut melibatkan penduduk Putrajaya, sukarelawan belia dan sekolah-sekolah di sekitar Putrajaya.

Selain merupakan aktiviti sihat, program ini akan memberi penumpuan di kawasan masing-masing. Ia bertujuan dengan matlamat dalam menjadikan Putrajaya sebagai bandar bersih dan terpelihara.



Lima Buah Sekolah Di Putrajaya Dinobat Pemenang SMart Botanic Edu-CARE



Perbadanan Putrajaya (PPj) sentiasa komited dalam usaha memastikan Putrajaya menjadi sebuah Bandar Mampan dan Bandar Hijau Karbon Rendah bertaraf dunia dalam semua aspek menjelang tahun 2025.

PPj telah meraikan lima buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Putrajaya yang dinobatkan sebagai pemenang Program Smart Botanic Edu-CARE dalam satu majlis penghargaan yang berlangsung di Dewan Seri Seroja, Presint Diplomatik, Putrajaya.

Menurut Presiden PPj, Dato'TPr Fadlun Mak Ujud, program ini dilaksanakan untuk melatih pelajar SMK Putrajaya membina landskap mini taman dengan idea yang kreatif, kondusif dan lestari disamping membantu mengindahkan program sekolah.

Kolaborasi bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan turut diadakan untuk menyemai pengetahuan berkaitan pengetahuan botani asas dan latihan praktikal tentang reka bentuk dan pengurusan landskap kepada guru dan pelajar.

Sebanyak Sembilan buah SMK di Putrajaya telah menyertai program ini dan lima sekolah telah diumumkan sebagai pemenang dalam pembinaan taman mini berpandukan kepada amalan hortikultur serta reka bentuk landskap yang terbaik dan lestari dalam penggunaan barang terbuang atau kitar semula. Kesemua sekolah diperuntukkan selama lima minggu untuk menyiapkan cadangan mereka bentuk landskap taman mini dan proses ini melibatkan perbincangan serta lawatan tapak ke sekolah bersam wakil PPj, pensyarah,

pelajar UPM, guru dan pelajar sekolah menengah masing-masing berkenaan kesesuaian tapak serta konsep yang dipersetujui oleh pihak sekolah.

Antara sekolah yang dinobatkan sebagai pemenang adalah SMK Putrajaya Presint 5(1) sebagai Juara, Naib Juara SMK Putrajaya Presint 9(2), Tempat Ketiga milik SMK Putrajaya Presint 16(1) manakala SMK Putrajaya Presint 11(1) dan SMK Putrajaya Presint 8(1) sebagai Merit.

Juara membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,500 beserta trofi, RM1,00 bagi Naib Juara dan RM700 untuk Tempat Ketiga manakala untuk hadiah Merit pula pemenang menerima wang tunai berjumlah RM500.

PPj akan meneruskan program Pendidikan seumpama ini pada masa akan datang di bawah Local Agenda 21-Greenovation dengan penglibatan bersama sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), badan berkanun dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Dalam jangka masa panjang pula, PPj akan mengetengahkan pendekatan konsep lestari 'Putrajaya Eco-Scholl' di sekolah-sekolah Putrajaya bagi menggalakkan pelajar menjaga alam sekitar melalui pelbagai aktiviti kesedaran Pendidikan alam sekitar dan biodiversiti.

Hadir sama pada majlis ini adalah Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman, Lar. Abd Aziz Buang, Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Lar. Dr Suhardi Maulan dan Timbalan Pengarah Perancangan Jabatan Pendidikan Wilayah Putrajaya, Dr Roslan Hussin.




Putrajaya Secret Garden, Colourful Lights

Selepas Pantai Floria dan Putrajaya Steps, Putrajaya kini memiliki tarikan baharu, khususnya bagi mereka yang gemar bergambar berlatarbelakangkan cahaya berwarna-warni.

Taman Cahaya atau Secret Garden terletak di Taman Putra Perdana di Presint 1. Tempat ini dihiasi dengan lampu-lampu pelbagai warna menghiasi setiap pokok dan taman, membuatkan pengunjung berasa seperti berada di 'alam kayangan'.

Perbadanan Putrajaya rancak memperkenal destinasi - destinasi pelancongan baharu selepas negara memasuki fasa endemik antaranya Pantai Floria, Tangga Putrajaya dan yang terkini 'Taman Rahsia Putrajaya' yang terletak di Taman Putra Perdana, Presint 1 dengan yang dihiasi pencahayaan berwarna warni. Taman ini yang menghubungkan antara Hotel Pulse Grande Putrajaya dan Mercu Tanda Putrajaya, menerima kehadiran ribuan pengunjung sejak Perbadanan Putrajaya memuatnaik gambar menerusi laman facebook walaupun belum dibuka secara rasmi.

Buat masa ini, taman cahaya ini masih belum dibuka kepada orang awam kerana kerja-kerja penyiapan sedang berjalan.



Raja Permaisuri Rasmi Floria Diraja Putrajaya 2022

Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, telah merasmikan Floria Diraja Putrajaya 2022 dan melawat tapak festival di Anjung Floria yang mempamerkan pelbagai spesies dan kultivar bunga-bungaan serta tanaman hiasan.

Keberangkatan tiba Tunku Azizah disambut Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim. Seri Paduka berkenan meluangkan masa lebih sejam melawat sekitar tapak festival. Raja Permaisuri turut dipersembahkan dengan spesies orkid Philonopsis daripada Perbadanan Putrajaya.

Turut hadir pada majlis ini, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud.

Datuk Seri Dr Shahidan memaklumkan Floria Diraja Putrajaya adalah antara produk ekonomi yang menjadi penyumbang penting kepada sektor pelancongan negara. Menurut beliau, festival ini mampu mencetuskan pelbagai peluang perniagaan dan perkhidmatan luas meliputi bidang semaihan komersial, bekalan bahan tanaman bunga dan hiasan, perundingan dan penyenggaraan landskap serta perkebunan.

Ia turut meliputi sektor bekalan jentera dan peralatan perkebunan, sewaan pokok bunga, hiasan bunga, perundingan persekitaran, pemuliharaan sumber alam dan eko-pelancongan.

Penganjuran Floria Diraja Putrajaya menyumbang kepada peningkatan potensi

industri bunga, landskap dan pelancongan sebagai satu daripada bidang ekonomi utama negara (NKEA), seterusnya memacu perkembangan industri ini sebagai pelaburan menguntungkan.

Anjung Floria di Presint 4 ditransformasi menjadi hamparan bunga terbesar sepanjang tujuh hari penganjuran Floria Diraja Putrajaya 2022 bermula 29 Ogos 2022 sehingga 4 September 2022 dan dilanjutkan kepada 11 September 2022 bersempena cuti penggal persekolahan dan masuk adalah percuma.

Bertemakan 'Floria Hebat' dengan orkid sebagai bunga tema, edisi terkini Festival Bunga dan Taman menghimpunkan kira-kira 10,000 orkid yang dipamerkan dengan lebih daripada 400,000 pokok pelbagai spesies.

Antara komponen baharu adalah Taman Keluarga Malaysia, Taman Koboi dan Sukulen, Taman Instagrammable, Hiasan Dinding Orkid dan Terowong Oncidium. Selain itu Clock Meadow, Taman 'Glow in the Dark' serta Taman Bonsai dan Suiseki menghiasi Floria Diraja Putrajaya 2022, manakala komponen seperti Laman Astaka Diraja dan laluan utama kembali dengan wajah baharu.

Festival yang dianjurkan sejak 2007 oleh Perbadanan Putrajaya, Kementerian Wilayah serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya itu menjanjikan pengalaman indah buat pengunjung dengan dua pemandangan berbeza pada waktu siang dan malam.

Sambutan Ambang Merdeka Putrajaya Meriah



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob turut menyertai ribuan rakyat Malaysia menyambut ambang merdeka yang pertama kali diadakan selepas negara dilanda wabak COVID-19 sejak dua tahun lalu.

Sambutan diadakan julung kali bersekali dengan Floria Diraja Putrajaya 2022 turut dihadiri Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah, Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin dan beberapa Menteri Kabinet.

Ribuan tetamu yang mulai membanjiri tapak pameran berkenaan sejak awal malam, turut disajikan dengan ceramah agama, selain persembahan tarian kebudayaan.

Program bermula seawal jam 9 malam turut diserikan dengan persembahan artis terkemuka negara termasuk Ella, Haqiem Rusli, Afiq Shazwan, Ameng Spring, Man Bai, Datuk Nash, Amir Masdi dan Ayu Damit.

Persembahan seni ini diiringi Kombo PrecintNotes Perbadanan Putrajaya (PPj) selain turut diiringi dengan persembahan tarian oleh Genius Seni Tari dan Kumpulan Tarian Rai'e.

Perdana Menteri yang tiba di Anjung Floria kira-kira jam 11.40 malam, kemudiannya mengetuai laungan merdeka sebanyak tujuh kali tepat jam 12 tengah malam, diikuti persembahan bunga api dan nyanyian lagu Tanggal 31, Negaraku dan lagu tema sambutan Hari Kemerdekaan, Keluarga Malaysia Teguh Bersama.

Sambutan Ambang Merdeka Putrajaya adalah anjuran PPj dengan sokongan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersempena penganjuran Festival Bunga dan Taman Floria Diraja Putrajaya 2022.



Karnival Putrajaya 2022 Kembali



Berkonsepkan hiburan bermaklumat, lebih 55 aktiviti menarik kembali pada Karnival Putrajaya 2022 yang berlangsung selama tiga hari bermula 23 hingga 25 September 2022 di Dataran Putrajaya dan perkarangan Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, aktiviti tersebut dapat dilaksanakan dengan hasil kerjasama strategik yang berterusan oleh semua pihak yang terlibat.

Antara program tersebut adalah Program Putrajaya Berselawat, Bazar Usahawan, Karnival Pendidikan dan Haluan Kerjaya, Belon Udara Panas, Pertandingan Mewarna, Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat, Persembahan Kesenian dan Kebudayaan, Sesi Bersama Ikon Usahawan & Sukan Negara, Pertandingan Mereka Bentuk Edible Landskap, Persembahan Maskot & Costplay, Konser Riu KLFM @ Putrajaya, Kayuhan Ceria, Pertandingan Fitness Putrajaya, Sukan Rakyat Keluarga Putrajaya dan banyak lagi. Aktiviti-aktiviti riadah sebegini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pengunjung terutamanya daripada anak muda.

Secara tidak langsung, karnival ini dapat meningkatkan sistem penyampaian Perbadanan Putrajaya (PPj) selaku pihak berkuasa tempatan menerusi penglibatan komuniti.

Selain daripada itu, acara-acara yang dianjurkan ini turut memfokuskan kepada Pelancaran Kempen Kebersihan Perbadanan Putrajaya (BeST Putrajaya). Objektif utama kempen tersebut adalah untuk memastikan Putrajaya bersih di setiap tempat. Antara aktivitinya adalah tindakan memperkasa

kaedah pencucian di kawasan-kawasan awam yang utama dan aktiviti-aktiviti kebersihan seperti plogging, gotong-royong dan pendidikan kesihatan serta kebersihan tandas.

Karnival pada kali ini telah membuka tirai acara pada 23 September 2022 dengan Program Putrajaya Berselawat yang menghimpunkan ribuan komuniti setempat berselawat bersama barisan kepimpinan Kementerian Wilayah Persekutuan, PPj, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP), pelajar-pelajar sekolah Putrajaya serta selebriti jemputan antaranya Fakhrul UNIC, Kumpulan InTeam, Afad Raihan dan tausiah bersama Al-Fadhil Ustaz Don Daniyal Don Biyajid dan Al-Fadhil Ustaz Imam Muda Asyraf.

Turut hadir, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud dan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan), Datuk Ruzain Idris.

Penganjuran Karnival Putrajaya 2022 yang diadakan bermula jam 8 pagi hingga 10 malam turut mendapat sokongan daripada rakan strategik utama iaitu agensi kerajaan, sektor korporat dan swasta serta Pertubuhan Bukan kerajaan (NGO).

